

**Anwar persoalkan keikhlasan Putrajaya iktiraf Hamas**  
**Malaysian Insider**  
**1 Februari, 2013**

PETALING JAYA, 1 Feb — Lawatan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak dianggap oleh Datuk Seri Anwar Ibrahim sebagai satu langkah baik diambil Putrajaya tetapi mempersoalkan mengapa terpaksa menunggu begitu lama untuk mengiktiraf Hamas sebagai sebuah pemerintah yang sah di Palestin.

Menurut Anwar, berbeza dengan Pakatan Rakyat yang sudah lama mengiktiraf Hamas sebagai sebuah organisasi sah, langkah kerajaan Malaysia baru-baru ini lambat dan tidak mencerminkan keikhlasan sebenar oleh Najib.

"Saya tidak bersetuju dengan orang ramai yang mengatakan langkah Najib tersebut sebagai gimik politik sebelum pilihan raya," kata Anwar.

"Sokongan kami kepada Hamas adalah sejak dahulu lagi, bersama-sama PAS. Berbeza dengan kerajaan Malaysia, kami tidak iktiraf mereka selepas Mac 2008."

Walau bagaimanapun, ketua pembangkang itu masih mengalu-alukan lawatan Najib ke Palestin dan memujinya sebagai langkah baik.

"Namun, saya mengalu-alukan lawatan Najib ke Palestin walaupun ia adalah yang kali pertama dalam sejarah pentadbiran negara," tambah Anwar meraikan kedatangan pemimpin utama Hamas di ibu pejabat PKR pagi tadi.

Pada 23 Januari bulan lalu, Najib telah mengadakan lawatan sehari ke bumi Gaza dan ianya telah mendapat liputan meluas daripada dalam dan luar negara.

Namun, Anwar antara pemimpin Pakatan Rakyat (PR) paling lantang mengkritik lawatan Najib apabila mengatakan tersebut sebagai "kurang bijak" kerana gagal untuk mengiktiraf pergerakan Fatah dan pemimpinnya Mahmoud Abbas.

Najib merupakan pemimpin kedua dunia dalam beberapa bulan ini membelakangi sekatan lima tahun dan menerima jemputan dari Hamas, yang dianggap sebagai kumpulan pengganas oleh negeri-negeri Barat

Lawatan Najib mengundang kritikan keras dari Presiden Palestin Abbas, yang tidak menjejakkan kaki di Gaza sejak tenteranya berperang dan kalah dengan Hamas di sana pada tahun 2007.

Najib kemudiam menyatakan pendiriannya tentang lawatan ke Gaza adalah misi kemanusiaan dan tidak mempunyai niat untuk mencampuri urusan dalaman pentadbiran Palestin.

Perdana menteri mengatakan rancangan asalnya adalah untuk melawat kedua-dua Tebing Barat dan Gaza akan tetapi ini tidak boleh dilakukan kerana terdapat sekatan di Tebing Barat.

Oleh itu, katanya, lawatan beliau ke Gaza tidak harus disalahtafsir kerana beliau tidak memberi kelebihan atau memihak kepada Fatah atau Hamas, tetapi sebaliknya Malaysia menggesa kepada pembentukan sebuah kerajaan perpaduan Fatah-Hamas menjadi realiti secepat mungkin.

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/anwar-persoalkan-keikhlasan-putrajaya-iktiraf-hamas/>